

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

RGE 459 - Pentadbiran Tanah

Tarikh: 7 November 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja dan tidak lebih.

1. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan hakmilik sambungan?
(5 markah)
- (b) Bezakan di antara hakmilik sementara bersamaan hakmilik pendaftar dengan hakmilik sementara bersamaan hakmilik pejabat tanah.
(5 markah)
- (c) Bincangkan fungsi perbadanan pengurusan yang ujud secara automatik apabila didaftarkan hakmilik-hakmilik pecahan.
(10 markah)

...2/-

2. Ikhtisarkan cara membuat permohonan untuk mengubah jenis penggunaan tanah (tukar syarat) daripada kategori "pertanian" kepada "bangunan" dan pecah sempadan tanah mengikut keperluan mana-mana Jabatan Tanah dan Galian yang anda tahu.

Nyatakan juga proses yang terlibat iaitu bermula daripada permohonan sehingga pengeluaran hakmilik-hakmilik sementara.

(20 markah)

3. Dalam penyiasatan oleh Pentadbir Tanah mengikut Akta Pengambilan Balik Tanah 1960, nyatakan prosedur yang mesti diikuti dan kuasa Pentadbir Tanah untuk beliau melaksanakan tugas ini.

(20 markah)

4. Berikan tafsiran ungkapan berikut dan jika perlu contoh-contoh untuk menjelaskan lagi penerangan anda:-

(a) Doktrin Duluan

(b) Penyiasatan Ringkas oleh Pentadbir Tanah

(c) Sistem Torrens Malaysia

(d) Kos Sampingan

(20 markah)

5. Jika seseorang itu melupuskan harta mengikut Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 tiga keadaan akan terjadi.

Huraikan tiga keadaan tersebut, bila setiap keadaan itu terjadi serta bagaimana cukai dikenakan dalam setiap keadaan tersebut.

(20 markah)

...3/-

6. (a) Apakah alasan-alasan yang boleh dinyatakan jika seseorang itu ingin membuat bantahan mengenai Senarai Nilaiian yang telah disediakan?
(10 markah)
- (b) Jika beliau masih tidak berpuashati dengan keputusan Pihak Berkuasa Tempatan tentang bantahan tersebut, apakah tindakan yang boleh beliau ambil?
(10 markah)
7. (a) Dengan ringkas berikan tugas dan komposisi Majlis Tanah Negara.
(10 markah)
- (b) Sebelum kepentingan yang boleh didaftarkan, dapat didaftarkan, apakah tindakan orang yang berkepentingan untuk melindungi kepentingannya?
(10 markah)

